



19 APR, 2026

Kampung Orang Asli Berasau nikmati bekalan elektrik 24 jam

Berita Harian Ahad, Malaysia



Kampung Orang Asli Berasau nikmati bekalan elektrik 24 jam

Penempatan jadi perintis penggunaan sistem solar

Oleh Azizi Majid
bhnews@bh.com.my

Kluang: Kampung Orang Asli Berasau mencipta sejarah sebagai perintis penggunaan sistem solar yang menyediakan bekalan elektrik 24 jam secara cekap, stabil dan lestari kepada komuniti setempat.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata projek bernilai RM2.5 juta itu dilaksanakan kementeriaannya dengan kerjasama Sustainable Energy Development



Jurutera Elektrik Penguasa Kanan Jabatan Kerja Raya (JKR) yang juga Ketua Pasukan Projek, Ir Dr Abdul Muhaimin Mahmud menunjukkan panel solar yang digunakan di Kampung Orang Asli Berasau, Kluang, semalam. (Foto BERNAMA)

Authority (SEDA), Jabatan Kerja Raya (JKR) serta beberapa agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri.

Beliau berkata, projek berkenaan membabitkan pembinaan balai raya berbumbung solar tertutup menggunakan sistem photovoltaic bersepadu (integrated photovoltaic) yang mampu men-

yalurkan bekalan elektrik berterusan kepada komuniti kampung terbabit.

"Ia kali pertama projek seumpamanya dilaksanakan di Kampung Orang Asli yang lokasinya jauh dari jalan utama. Projek ini memberi manfaat kepada 20 rumah membabitkan 86 penduduk, selain

kemudahan balai raya," katanya ketika merasmikan Projek Kampung Angkat MADANI PETRA di Kampung Orang Asli Berasau, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi dan Tok Batin Kampung Orang Asli Berasau, Sari Achu.

Sistem PV luar grid

Fadillah berkata, projek itu menggunakan sistem solar photovoltaic (PV) luar grid (off-grid) yang tidak bergantung kepada talian grid awam, dengan kapasiti pemasangan melebihi 50 kilowatt puncak serta kapasiti penyimpanan tenaga 516 kilowatt jam.

Katanya, kemudahan itu membolehkan bekalan elektrik disalurkan secara berterusan kepada penduduk yang sebelum ini hanya bergantung kepada generator secara berkala.

"Selain menikmati bekalan elektrik stabil, penduduk juga boleh memanfaatkan kemudahan balai raya bagi pelbagai aktiviti sosial dan pembangunan komuniti," katanya.

Beliau berkata, Kampung Orang Asli Berasau di harap menjadi model kepada penempatan Orang Asli lain dalam penyediaan kemudahan asas secara mampan, sekali gus meningkatkan kesejahteraan komuniti luar bandar.